

Nyanyian Old School Buskers, halwa telinga sambil bersarapan

BANTING - Inisiatif Penyanyi era 90an, Roy bersama rakan-rakannya membuat persembahan busking berhampiran Kedai Nasi Lemak Pak Kasim, Banting setiap hujung minggu memberi kelainan kepada pengunjung yang datang menikmati makanan di kawasan berkenaan.

Malah Roy atau nama sebenarnya Mohammed Raizan Alwi, 52, bersama enam rakan yang menggelar mereka Old School Buskers dilihat bukan sahaja menjadi kumpulan pemuzik jalanan yang terkenal di daerah ini malah didakwa turut mendapat jempunan pada persembahan lebih berprestij.

Roy berkata, dia dan rakan-rakan terdiri daripada

anak jati Kuala Langat menjadi kumpulan pemuzik jalanan pertama di daerah itu dan berhasrat menjadikan tempat kelahiran mereka sebagai kawasan tumpuan terutama pengunjung luar.

"Jadi kami pun sepatutnya untuk memilih gerai-gerai menyediakan sarapan pagi sebagai lokasi persembahan dan syukur ia mendapat sambutan walaupun baru dua minggu. Cuma kami beraksi hanya pada hari Sabtu dan Ahad dari jam 8 pagi hingga 12 tengah hari.

"Saya berharap apa yang kami lakukan dapat membantu orang lain supaya tidak malu bernyanyi atau bermain muzik depan khalayak ramai," katanya ketika



Kumpulan Old School Buskers Banting ketika mengadakan persembahan berhampiran Kedai Nasi Lemak Pak Kasim. Gambar kecil: Roy

ditemui Sinar Harian, baru-baru ini. Penyanyi yang popular dengan lagu Kau Ramaku itu bukan sahaja menghiburkan

pengunjung dengan nyanyian pelbagai genre dalam bahasa Melayu malah dalam pelbagai bahasa sehingga mendapat sambutan di luar

jangkaan daripada pelbagai kaum.

"Saya juga kini sedang membuat kajian dan bakal menerbitkan buku mengenai

pemuzik jalanan yang mempunyai keistimewaan dan sebenarnya mempunyai lebih ramai peminatnya tersendiri," katanya.

Sementara itu, Peneraju Old School Buskers Banting, Shahrudin Mohd Saroni berkata, terdapat penonton menghulurkan tip sebagai tanda penghargaan namun mereka berhasrat menyalurkan sebahagiannya kepada mereka yang memerlukan pada setiap bulan.

"Kita nak cerikan penonton selain memberitahu mesej bahawa pemuzik jalanan masih wujud termasuk di Kuala Langat dan muzik tidak hanya pada alunan lagu dinyanyikan malah instrumen digunakan," katanya.

Audit naik taraf jeti

Seragamkan pembinaan dengan penyediaan kemudahan asas

SIJANGKANG - Kerajaan negeri perlu meneliti termasuk mengaudit seluruh jeti di Selangor terlebih dahulu supaya kerja-kerja menaik taraf dan pembinaan yang difikirkan dapat diseragamkan.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi negeri, Datuk Dr Ahmad Yunus Haiiri berkata, pembinaan baik pulih itu perlu merangkumi kemudahan asas komuniti.

"Tidak kira jeti itu untuk nelayan atau tujuan rekreasi, kemudahan asas perlu disediakan termasuk tandas dan tempat makan serta minum bagi kesesuaian semua pihak dan kita sedang memberi fokus terhadap kemudahan berkenaan.

"Saya faham isu tanah kadangkala

menjadi penghalang sebahagian pihak melancarkan sesuatu projek," katanya apabila diminta mengulas mengenai status tanah di Pangkalan Nelayan Sri Tanjung, di sini.

Ahmad Yunus yang juga Adun Sijangkang berkata, pihaknya tidak menafikan keperluan menaik taraf jeti di Pangkalan Nelayan Sri Tanjung berkenaan namun perlu menunggu kebenaran pembaikan daripada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

Selepas berhubung dengan LUAS, difahamkan, mereka baru selesai kajian jumlah untuk mendapatkan kesemua maklumat sebelum kebenaran



AHMAD YUNUS

diberikan

"Kita pun tak halang sebarang nak naik taraf tempat itu tapi kita mahukan kemudahan di situ dirancang dengan lebih baik dan selesa," katanya.

Pada 6 April lalu, Sinar Harian melaporkan nelayan memohon kerajaan negeri memudahkannya proses permohonan nelayan demi kesesuaian.

Difahamkan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sudah meluluskan peruntukan sebanyak RM50,000 bagi projek naik taraf pangkalan namun ia tidak dapat dilaksanakan atas pelbagai faktor termasuk syarat tanah.



Antara jeti nelayan yang perlu dinaik taraf.



Zulkifli sempat bergambar bersama sebahagian pendidik Kuala Langat ketika melancarkan Sambutan Hari Guru Peringkat Daerah Kuala Langat.

Hari Guru PPD Kuala Langat bakal cipta kelainan

BANTING - Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat bakal membuat kelainan sempera sambutan Hari Guru tahun ini dengan mengadakan pelbagai aktiviti di peringkat daerah dalam tempoh dua bulan.

Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Langat, Zulkifli Mohamed berkata, program itu akan melibatkan 4,000 pendidik di daerah ini turut membuka peluang kepada guru-guru berniaga.

"Warga pendidik dan kakitangan akan lebih seronok dan ceria kerana terdapat pelbagai aktiviti termasuk pertandingan pingpong, catur, Fun Run dan Fun Fishing di pelbagai lokasi sekolah dan kawasan riadah dari 15 April hingga 20 Mei ini.

"Lebih menarik Karnival jualan yang bakal dimanfaatkan oleh pendidik akan diadakan di Dataran Pantai Morib pada 6 dan 7 Mei ini nanti menyaksikan gurbepeluang berniaga dan mempromosikan barangan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Sinar Harian selepas melancarkan Sambutan Hari Guru di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuala Langat, di sini, baru-baru ini.

Zulkifli berkata, melalui karnival melibatkan 120 gerai yang bakal dimanfaatkan guru itu dilihat mampu mengeratkan hubungan kekeluargaan sesama guru di samping dapat mengenali guru dari sekolah lain.